

## PEMBANGUNAN KEROHANIAN ISLAM MELALUI ILMU BELA DIRI MELAYU: PERSPEKTIF SENI SILAT CEKAK MALAYSIA

### [SPIRITUAL DEVELOPMENT THROUGH MARTIAL ARTS: SENI SILAT CEKAK MALAYSIA PERSPECTIVE]

ABDUL HAFIZ AB MAJID<sup>1,6,7,8\*</sup>, MOHD MIQDAD ASWAD AHMAD<sup>2,7</sup>,  
NURUL IZZA ABDUL AZIZ<sup>3,6,7</sup>, SAFIAH AHMAD<sup>4,6,7</sup> & AB MAJID ISMAIL<sup>5,1</sup>

*Received Date:* 6 August 2019

*Accepted Date:* 23 September 2019

#### Abstrak

Pembangunan kerohanian merupakan salah satu komponen penting dalam pembentukan akhlak. Ia berkait rapat dengan agama dan adat budaya sesebuah masyarakat yang kini terjebak dalam pelbagai masalah sosial dan keruntuhan akhlak. Terdapat pelbagai wadah dalam membangunkan dan menerapkan aspek kerohanian dalam kalangan generasi kini. Antaranya melalui ilmu bela diri masyarakat Melayu. Sehubungan itu, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang sudah berusia lebih 50 tahun, juga mempunyai peranan penting membantu kerajaan menangani kelunturan jati diri bangsa Melayu. "Silat Cekak Pada Zahirnya, Pengertian Gerak Pada Batinnya, Hendaklah Mahir Seluruh Anggota, Hendaklah Jujur Pada Jiwanya". Kajian ini bertujuan mengkaji pembangunan kerohanian Islam secara berterusan melalui perspektif amalan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) dalam pantang larangnya dalam persilatan. Analisis kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan analisis dokumentasi. Kesimpulannya, amalan Seni Silat Cekak Malaysia, jika diamalkan oleh pengamalannya akan membangunkan kerohanian Islam secara berterusan, selari dengan ajaran agama Islam dan budaya Melayu serta benar-benar menepati dengan kehendak syarak.

**Kata Kunci:** Pembangunan kerohanian, ilmu bela diri, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, pantang larang

#### Abstract

Spiritual development is a vital component in one's behavior. It is closely associated to religion and a society's culture in which is doomed in various social and moral issues at present. There are numerous ways to develop and instill spiritual aspects in today's generation. One of them is through martial arts that are famous among the Malays. Therefore, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), a non-

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Universiti Sains Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

<sup>3</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

<sup>5</sup> Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia

<sup>6</sup> Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Universiti Sains Malaysia

<sup>7</sup> Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia

<sup>8</sup> Pusat Rancangan Kokurikulum, Bangunan c15, Jalan Gemilang, 11800 Minden, Universiti Sains Malaysia.

#### Corresponding Author:

ABDUL HAFIZ AB MAJID, Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Penang, Malaysia, MALAYSIA.

E-mail: miqdad@uitm.edu.my

governmental organisation established more than 50 years ago is playing aggressive roles in assisting the government to curb the issue of identity among Malays. It is in line with its tagline which is “Silat Cekak Pada Zahirnya, Pengertian Gerak Pada Batinnya, Hendaklah Mahir Seluruh Anggota, Hendaklah Jujur Pada Jiwanya”. This research is conducted to study the continuous Islamic spiritual development from the perspective of practices and taboos in Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM). The qualitative method of the study uses documentation analysis. It can be concluded that the continuous Islamic spiritual aspect of a Muslim can be developed when the practices of Seni Silat Cekak Malaysia is fully adapted parallel with the Islamic teaching s well as the Malay culture.

**Key Words:** Spiritual development, martial arts, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, taboos.

**Cite This Article:**

Abdul Hafiz Ab Majid, Mohd Miqdad Aswad Ahmad, Nurul Izza Abdul Aziz, Safiah Ahmad & Ab Majid Ismail. (2019). Pembangunan kerohanian Islam melalui ilmu bela diri Melayu: Perspektif Seni Silat Cekak Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(4), 13-23. Open Acces: <http://ajocs.com>.

## PENGENALAN

Silat merupakan salah satu seni mempertahankan diri yang sinonim dengan orang Melayu di Nusantara khususnya. Kebanyakan orang Melayu di Malaysia, khususnya yang beragama Islam mengetahui dan mempunyai maklumat tentang seni silat Melayu. Terdapat pelbagai jenis silat di negara ini yang mempunyai pelbagai nama sebagai contohnya: Silat Cekak Malaysia, Silat Gayung Malaysia, Silat Lincah Malaysia, Silat Gayung Fatani Malaysia, dan lain-lain lagi jenis silat yang mempunyai nama pertubuhan silat yang tersendiri. Walaupun terdapat pelbagai jenis silat di negara ini dengan gaya dan teknik serta amalan kerohanian masing-masing, objektifnya tetap sama iaitu sama ada membela diri daripada diserang dan juga bertindak balas untuk menewaskan si penyerang dengan apa-apa cara sekalipun.

Dalam ilmu persilatan juga sebenarnya terdapat unsur berbentuk kerohanian dan kebatinan. Aspek kerohanian dan kebatinan dalam Seni Silat Melayu telah mengalami tahap perkembangan dan perubahan melalui tahap yang berbeza berdasarkan sejarah kepercayaan masyarakat Melayu di Nusantara. Perubahan amalan kerohanian dan kebatinan dalam silat Melayu adalah kerana proses difusi antara agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu pada satu masa dahulu yang dilalui oleh masyarakat Melayu seperti animisme, Hindu, Buddha dan Islam kini. Menurut Wan Ahmad Fauzi Wan Hasain (2018) masyarakat Melayu telah menjadikan pegangan agama Islam sebagai teras dan inti sebagai prinsip kepercayaan dan menjadi agama bagi Kerajaan Melayu. Selain itu menurut Wan Abdul Kadir Yusoff (2006) masyarakat Melayu sejak dahulu lagi hingga kini unsur-unsur asing yang terdapat di dalam kebudayaan Melayu telah melalui proses difusi iaitu penyerapan dan penyesuaian atas kehendak masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa unsur kerohanian dan kebatinan melalui tiga fasa agama yang menjadi pegangan masyarakat Melayu. Menurut Mahayudin Yahya (1998) berpandangan adat resam dan kebudayaan orang Melayu pada hari ini adalah hasil campuran unsur-unsur animisme, Hindu, Islam dan ini disebabkan orang Melayu mengamalkan budaya Hindu sehingga menerima kebudayaan Islam pada tahun 1414 Masihi. Berdasarkan latar kebudayaan masyarakat Melayu pada masa lalu, perkara ini secara langsung menunjukkan seni silat turut juga mempunyai unsur kerohanian dan kebatinan dalam konteks yang berbeza.

Apabila orang Melayu memeluk agama Islam, unsur kerohanian dan kebatinan Islam pula mempengaruhi seni silat Melayu (Anuar Abd. Wahab, 1996). Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengkaji perspektif pembangunan kerohanian Islam dalam ilmu bela diri Melayu menurut Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM).

## **KEROHANIAN ISLAM**

Dalam perkembangan ilmu pengetahuan yang semakin pesat pada era dan zaman mutakhir ini, perkembangan aspek kerohanian juga berlaku seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang lain. Dalam erti kata lain, kerohanian turut juga dipanggil dengan amalan spiritual yang berkaitan dengan pembangunan jiwa dan tidak bersifat fizikal (DBP, 2005). Selain itu, al-Ghazali berpandangan, kerohanian merujuk empat elemen yang terdapat dalam diri manusia iaitu *al-ruh*, *al-qalb*, *al-'aql* dan *al-nafs* (al-Ghazali, 2000). Melihat empat elemen yang disebutkan oleh al-Ghazali, seharusnya empat elemen ini diberikan keutamaan supaya pembangunan kerohanian seseorang itu menjadi dan berkembang dengan sebaiknya. Aspek kerohanian ini tidak wajar dikesampingkan. Sekiranya aspek ini diabaikan, dalam maksud yang lain, ertinya individu atau seseorang itu telah mengabaikan perintah Tuhan yang berkehendakkan kepada kebaikan. Kesedaran kerohanian dapat digambarkan menerusi konsep keredaan, rasa bertanggungjawab kepada Tuhan dan berkebolehan menghayati nilai agama dalam menghadapi masalah kehidupan seharian sebagai hamba Tuhan (Tengku Elmi Azlina et al., 2015). Kesedaran yang tinggi terhadap amalan kerohanian akan dapat membantu dan membimbing para ahli Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1966 pada 14 Mei 2013 dengan no pendaftarannya ialah PPM004-14-14042013. Namun begitu PSSCM ini telah didaftarkan lebih awal pada tahun 19 Ogos 1971 dengan no pendaftaran 973. Berdasarkan kesedaran kerohanian ini, para ahli PSSCM untuk berhati-hati dan sentiasa berada di atas landasan yang betul ketika menjalankan tanggungjawab sebagai ahli serta tenaga pengajar dalam Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia.

Selain itu, menurut Covey, rohani ialah teras, pusat dan komitmen anda terhadap sistem nilai. Bahagian kerohanian ini ialah bahagian yang paling sulit keperibadiannya dan sangat penting nilainya (Covey, 1996: 302). Kerohanian dapat membantu, mencerna dan memahami prinsip sejati yang merupakan sebahagian daripada nurani insan, mendorong setiap individu agar beramal dengan ikhlas, cara bertindak dan cara berfikir dengan jiwa yang bersih tanpa dikotori oleh anasir luar seperti sifat mazmumah.

Selain itu, menurut tokoh pembaharuan Martin Luther, kerohanian ialah satu tindak balas segera yang diberikan oleh Tuhan pada jiwa hambanya (Wood, 1989: 311). Kata Martin Luther: “sesungguhnya disebabkan kesibukan pada hari ini, aku seharusnya menambah masa untuk bersembahyang satu jam lagi” (Covey, 1996: 304). Sembahyang yang dimaksudkan oleh Martin Luther ialah sumber kuasa untuk membebaskan diri dan melipatgandakan tenaganya untuk kegunaan fizikal dan mental. Hal ini menunjukkan bahawa kekuatan rohani adalah untuk menguatkan dan memberikan tenaga kepada seseorang. Apabila kekuatan rohani bertambah dan pada masa yang sama hubungan dengan Tuhan semakin erat, maka keadaan ini akan memberikan kekuatan dalaman kepada setiap individu.

Dalam tradisi Islam, kerohanian dimaksudkan dengan kehidupan yang dilaksanakan di atas dasar ajaran *ruhaniyyah* dan nilai yang bersifat *ruhaniyyah*. Berdasarkan perkataan '*ruhaniyyah*' itu membawa maksud sesuatu yang berdasarkan kesejahteraan roh, berbeza daripada pertimbangan yang menumpukan jasad semata-mata (Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 1982: 46). Dalam Islam, membangunkan dalaman manusia mesti berasaskan prinsip kerohanian yang telah digariskan dan panduan daripada al-Quran dan Sunnah. Pembangunan kerohanian yang berasaskan al-Quran dan Sunnah akan memberikan impak dan kesan yang baik kerana ia bertepatan dengan kehendak fitrah semula jadi manusia sebagai insan yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T. Apabila pembangunan kerohanian hanya berteraskan konsep material semata-mata, perkembangan dan pembangunan kerohanian insan akan menjadi sebaliknya iaitu bertentangan dengan kehendak Allah S.W.T. Aspek dan ciri kerohanian melahirkan nilai positif yang terdapat dalam diri manusia seperti sifat mahmudah contohnya, syukur, sabar, khauf, raja', benar, amanah, adil, pemaaf, pemalu, tawaduk dan tawakal. Namun, akan berlaku perkara yang sebaliknya sekiranya amalan kerohanian itu tidak diamalkan. Sifat mazmumah akan mengawal diri seseorang itu seperti tergesa-gesa, riyak, dengki, takbur, ujub, bakhil, buruk sangka, tamak haloba, pemaarah dan *sum'ah*. Para sahabat dan salafiah yang sangat kuat berpegang pada agama telah menunjukkan teladan yang baik dalam hal ini.

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا ۗ مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَكِن جَعَلْنَاهُ نُورًا نَّهْدِي بِهِ مَن نَّشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا ۗ وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya: Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) - al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu): apakah Kitab (al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan al-Quran: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan al-Quran itu ke jalan yang lurus.

Berdasarkan ayat ini memberi penjelasan mengenai nilai kerohanian dapat diukur melalui sifat-sifat yang terdapat pada hati. Dalam pada masa yang sama amalan kerohanian yang mampu mendekat dan menguatkan keyakinan individu terhadap Allah S.W.T. Kemudian baginda Rasulullah S.A.W. menyebut lagi generasi selepas itu iaitu para tabiin yang turut juga mendapat pujian daripada keelokan akhlak dan amalan kerohanian mereka. Generasi ini harus dicontohi oleh generasi mutakhir pada hari ini supaya amalan kerohanian tidak terpesong daripada saranan dan sunah baginda Rasulullah S.A.W.

Namun begitu, tanpa meminggirkan kepentingan kerohanian dalam pembangunan masyarakat, terdapat keadaan iaitu wujudnya perbezaan dan cabaran perkembangan kerohanian pada masa ini. Sejak bermula pada zaman awal para sahabat baginda Rasulullah S.A.W. sehingga ke hari ini bidang kerohanian telah di manipulasi dan dieksploitasi dengan sewenang-sewenangnya demi kepentingan jahat golongan berkenaan (Zakaria Stapa, 1999). Hakikat daripada episod dan peristiwa yang berlaku sebagai hasil tingkah laku individu dan kumpulan yang mempergunakan agama untuk kepentingan peribadi dan kumpulan bagi meraih sokongan dan dorongan masyarakat terhadap mereka, hasilnya dapat dilihat iaitu kerohanian menjadi

sumber ajaran sesat yang mengaburi sesuatu perkara di sebalik persatuan atau pertubuhan seperti pertubuhan agama, pertubuhan persatuan silat dan lain-lain lagi yang menyeleweng dan mudah diperkatakan oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

## **KEROHANIAN ISLAM DALAM PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM)**

Dalam kajian ini, rupa bentuk amalan, adat istiadat, perbuatan atau gerak silat yang berkait dengan kepercayaan, keyakinan atau pegangan pengamal Seni Silat Cekak Malaysia secara khusus, dipadankan dengan empat elemen amalan kerohanian yang dikemukakan al-Ghazali (2000: 532) iaitu roh, hati, akal dan jiwa seseorang agar keselariannya dapat dikupas dan disimpulkan.

Berdasarkan temu bual awal yang dilakukan bersama Abdul Majid Ismail, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia memaklumkan bahawa dalam ilmu kerohanian dan kebatinan mereka membawa maksud yang sama seperti di atas tanpa mewujudkan perbezaan antara kedua-duanya (Abdul Majid Ismail, 2016).

Rohani bermaksud batin dan kerohanian pula bermaksud kebatinan. Kebanyakan orang Melayu masih lagi menanggap “ilmu batin” sebagai ilmu luar biasa seperti “kebal, memiliki kekuatan luar biasa, tidak terbakar oleh api dan perkara lain yang menarik adat”. Sedangkan yang difahami oleh Seni Silat Cekak Malaysia, ilmu batin ialah ilmu rohani iaitu ilmu untuk mengesakan Allah atau dikenali sebagai ilmu tauhid bukan ilmu kebal. Mentauhidkan Allah S.W.T. menerusi gerak silat (perbuatan), sebagai hamba Allah, dalam bersilat kita tetap mengingati Allah dan tidak terkeluar daripada kuasa Allah. Sebagai contoh, pengamal Seni Silat Cekak berdiri lurus (tidak berkuda-kuda seperti silat lain) ketika menghadapi serangan membawa maksud tegas pendirian atau menggambarkan orang yang ada pegangan hati atau beriman (berserah dan bergantung hati sepenuhnya kepada Allah S.W.T.). Dengan berdiri lurus, pengamal Silat Cekak akan bergerak ke hadapan menangkis sebarang serangan yang datang tanpa mengelak ke kiri atau ke kanan mahupun undur ke belakang (usaha). Perbuatan berdiri lurus, menangkis serangan tanpa mengelak yang dilatih dalam silat ini akan melahirkan sifat berani kepada pengamalnya. Berani menghadapi sebarang cabaran dan dugaan hidup agar tidak mudah menyerah kalah. Sifat berani ini merupakan sepenuh iman (takut hanya kepada Allah semata-mata bukan kepada benda lain) perlu ada pada setiap orang mukmin.

Dalam struktur organisasi PSSCM, terdapat tiga komponen penting membentuk kekuatan rohani para pengamalnya iaitu institusi perguruan, persilatan dan persatuan. Institusi perguruan diketuai oleh seorang Guru Utama dan disokong oleh para pembesar, guru negeri dan sekumpulan tenaga pengajar. Guru Utama merupakan sumber rujukan tertinggi yang berperanan mendidik, menjadi contoh dan teladan serta membimbing ahli-ahli silat ini menerusi komponen Perguruan dan Persilatan. Manakala dalam komponen Persatuan, peranan ini dimainkan oleh Presiden. Presiden dan Guru Utama adalah orang yang sama. Untuk mempelajari silat ini, pelajar perlu menjadi ahli Persatuan terlebih dahulu agar jiwa raganya

terdidik dengan semangat berjemaah atau bermasyarakat dan sifat individualistiknya menghilang. Roh dan hati pula perlu bimbingan dan didikan seorang Guru yang dilakukan menerusi majlis-majlis tazkirah dan pengijazahan dalam komponen Perguruan. Pengijazahan bermatlamat mendidik hati dengan membetulkan niat, memohon keberkatan daripada Allah agar dikurniakan dengan sifat-sifat mulia seperti mengenang jasa, menjaga silaturahmi di samping menghilangkan sifat negatif diri. Gerak langkah silat ini diperturunkan secara tertib, bersistem oleh Tenaga Pengajar (jurulatih) yang bertauliah menerusi komponen Persilatan. Sistem dan buah pelajaran silat ini telah disusun berteraskan akal yang sempurna, jiwa yang tenang agar para pelajar yang mempelajarinya akan terdidik dengan sifat berani bukan garang. Matlamat ini tercapai menerusi metodologi pelajaran menunggu serangan. 99% kandungan pelajaran silat ini adalah menunggu serangan dan hanya 1% menyerang. Cara penyampaian buah pelajaran silat ini begitu beradab dan tertib (tangan di tempat tangan, kaki di tempat kaki). Tiada pelajaran menyepak diajar, sebaliknya pelajaran menangkis menyepak dan menangkis senjata diajar agar pelajar menjadi yakin diri bukannya besar diri. Dalam kertas kerja ini beberapa peranan utama dua daripada institusi ini, iaitu Perguruan dan Persilatan dalam membangunkan elemen kerohanian Islam yang akan dijelaskan.

## **PERGURUAN - PANTANG LARANG SENI SILAT CEKAK MALAYSIA**

Institusi perguruan PSSCM telah menyusun sistem keahlian dengan meletakkan beberapa peraturan atau syarat yang bertujuan mengekal dan mendidik akhlak (elemen kerohanian) bakal-bakal ahli. Salah satu kaedah awal sistem ini ialah bai'ah (aku janji) yang dikenali sebagai "ijazah". Keempat-empat komponen kerohanian diri mengikut Al Ghazali (roh, hati, akal dan jiwa) ini akan menjadi subur apabila pelajar berjaya mematuhi semua pantang larang yang telah diikrarkan dan dipraktikkan pula dalam kehidupannya. Berkat dari mematuhi pantang larang ini, Allah menggantikan sifat-sifat buruk pada diri dengan sifat-sifat mulia kerana patuh kepada tiga pantang larang utama iaitu menghormati dan mentaati ketiga-tiga orang yang amat berjasa kepada diri kita (guru, ibu & bapa) adalah kemuncak didikan roh dan jiwa Islam. Apabila pelajar berjaya mengamalkan pantang-larang keempat dan kelima pula, sifat-sifat negatif seperti dengki-khianat, memandang rendah akan agama dan bangsa sendiri diganti oleh Allah SWT dengan sifat-sifat bersatu padu dan sayang menyayangi. Natijahnya silaturahmi menjadi lebih kukuh dan padu seperti mana yang dikehendaki oleh ajaran Islam. Akhirnya, terhindarlah perpecahan yang amat tidak dituntut oleh ajaran agama kita, kerana memutuskan silaturahmi sebenarnya akan menyebabkan amalan kebaikan kita terhalang daripada sampai ke hadrat Ilahi.

Sebelum seseorang itu menjadi ahli rasmi Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), seseorang penuntut perlu berbai'ah dengan Guru Utama dengan 5 pantang larang

1. Jangan Menderhaka Kepada Guru
2. Jangan Menderhaka Kepada Ibu
3. Jangan Menderhaka Kepada Bapa
4. Jangan Bergaduh Sesama Ahli
5. Jangan Mencaci Segala Rupa Bentuk Seni Silat Melayu Yang Lain

Dalam konteks Seni Silat Cekak Malaysia, pantang larang yang pertama ialah “*Jangan Menderhaka Kepada Guru*”. Sebagai manusia dan makhluk Allah S.W.T., guru merupakan manusia yang pertama mengajar dan mendidik jasad dan roh dalam mengenali perkara-perkara ghaib dan perkara yang perlu dipercayai dan diyakini seperti rukun Iman dan rukun Islam (Abdul Majid Ismail & Kaharuddin Abdul Rahman, 2014). Jika seorang pelajar berakhlak buruk terhadap gurunya maka akan menimbulkan impak yang buruk pula, dan akan hilangnya berkat daripada ilmu yang diperoleh. Selain itu, pelajar yang tidak taat kepada guru tidak dapat mengamalkan ilmunya, atau tidak dapat menyebarkan ilmunya seperti yang telah ditekankan oleh Imam al-Ghazali dan Imam al-Shafi’i (Abdul Majid Ismail, 2014). Dalam konteks guru, guru yang dimaksudkan di sini bukanlah semata-mata guru silat namun ia merujuk kesemua guru yang telah mendidik, dan membimbing jasad dan roh manusia. Bagi seorang yang bergelar pelajar, keberkatan ilmu sangat perlu dititikberatkan. ‘Sewaktu kita di sekolah menengah dahulu, cikgu-cikgu sering berpesan tentang berkat. “Jangan kurang ajar dengan guru-guru, tak berkat ilmu kamu”, “Jangan ponteng kelas, hilang berkat”, “Jangan meniru, jangan mengumpat cikgu di belakang, jangan riak kalau kamu pandai, dan pelbagai lagi “jangan” yang dikaitkan dengan keberkatan.

Pantang larang yang kedua dan ketiga “*Jangan Menderhaka Kepada Ibu, Jangan Menderhaka Kepada Bapa*” merupakan tuntutan utama dalam Islam. Menderhaka merupakan satu dosa besar. Perkara ini jelas ditekankan dalam al-Quran dalam surah *al-IsrÉ*’ ayat 23 hingga 24 yang bermaksud :

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٌ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا (٢٣) وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّبَانِي صَغِيرًا (٢٤)

“Dan Tuhannu (Allah) telah memerintahkan hendaklah kamu jangan menyembah selain dari Dia (Allah) dan hendaklah kepada kedua ibu bapamu berbuat baik dengan sempurna. Jikalau salah seorang dari ibu-bapamu atau keduanya sudah sampai kepada umur tua, janganlah sekali-kali kamu berkata ‘ah!’ kepada mereka. Dan janganlah pula kamu menengking mereka. Ucapkanlah kepada mereka perkataan yang sopan dan hormat.” (Surah al-Isra’:Ayat 23-24)

Ahli PSSCM yang sudah berbiah dengan pantang larang tersebut secara tidak langsung wajib menunaikan dan mengikut pantang larang ini. Perkara ini juga ditekankan oleh Rasulullah S.A.W. dalam sabda baginda yang bermaksud :

فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْكِبَائِرُ قَالَ « الْإِشْرَاكُ بِاللَّهِ ». قَالَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ « ثُمَّ عُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ ». قَالَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ « فُلْتُ وَمَا الْيَمِينُ الْعَمُوسُ قَالَ « الَّذِي يَقْتَطِعُ مَالَ امْرِئٍ مُسْلِمٍ هُوَ فِيهَا كَاذِبٌ »

Maksudnya :

Imam Bukhari meriwayatkan dalam Kitabul Adab dari jalan Abi Bakrah Radhiyallahu ‘anhu, telah bersabda Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam. Maukah aku beritahukan kepadamu sebesar-besar dosa yang paling besar, tiga kali (beliau ulangi). Sahabat berkata, ‘Baiklah, ya Rasulullah’, bersabda Nabi. “Menyekutukan Allah, dan durhaka

kepada kedua orang tua, serta camkanlah, dan saksi palsu dan perkataan bohong”. Maka Nabi selalu mengulangi, “Dan persaksian palsu”, sehingga kami berkata, “semoga Nabi diam” (Riwayat al-Bukhari: No. hadis 2654)

Maka dapat disimpulkan bahawa Islam bukan sahaja menjadikan perbuatan menderhaka, malah perbuatan mencaci maki, laknat melaknat yang membabitkan mereka juga dikategorikan sebagai dosa besar.

Pantang larang yang keempat dan kelima *Jangan Bergaduh Sesama Ahli, Jangan Mencaci Segala Rupa Bentuk Seni Silat Melayu Yang Lain*. Pantang larang ini menekankan konsep kesatuan dan bersatu. Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) menekankan kesatuan dan perpaduan sesama ahli. Bersatu dalaman barulah membolehkan perpaduan di luar persatuan.

Mengikut perspektif Islam perpaduan terjalin melalui dua ikatan iaitu:

Pertama: Perpaduan sesama anggota masyarakat.

Kedua: Perpaduan antara kaum muslimin.

Perpaduan juga dapat dilihat daripada dua jurusan atau dimensi iaitu pertamanya perpaduan luaran yang terjelas sebagai kerukunan muafakat bergotong-royong, memperteguhkan suasana sosiopolitik negara demi kepentingan bersama. Manakala yang kedua ialah perpaduan yang jauh lebih asasi iaitu kesatuan dalaman yang terzahir sebagai pautan kejiwaan dan kerohanian.

Kesatuan ini juga ditekankan oleh Allah S.W.T. dalam surah 'ali-ImrÉn yang bermaksud:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ (١٠٣)

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai" (Surah 'ali-Imran: Ayat 103)

Dalam konteks yang lebih luas, kejayaan dan kecemerlangan sesebuah negara terletak pada perpaduan dalam kalangan rakyatnya. Begitu juga sebaliknya, perpecahan punca kejatuhan dan kemusnahan. Sehubungan dengan itu, asas perpaduan mestilah dijana dengan pelbagai gerakan ke arah perpaduan, perlu dirintis supaya hasrat untuk membenturkan sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang dapat direalisasikan.

Yang dimaksudkan dengan mencaci daripada konsep penekanan dalam didikan PSSCM dan juga dalam konteks Islam, ialah mendoakan orang lain agar mendapat kecelakaan. Mengutuk ini merupakan satu perbuatan yang terlarang kita lakukan sesama Muslim. Perkara ini jelas dinyatakan dalam surah *al-Ahzab* ayat 58 yang bermaksud:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغْيٍ مَا كَانَتْ يَنْبَغُ أَنْ يُؤْذَنُوا فَحَدِّثْهُمْ فِي بُحْتِهِمْ وَإِنَّمَا مُبِيحًا (٥٨)



“Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang mukmin laki-laki atau perempuan tanpa kesalahan yang mereka perbuat, maka sesungguhnya mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata.” (Surah al-Ahzab: Ayat 58)

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W. dalam hadis yang diriwayatkan dari Ibn Mas’ud maksudnya:

سباب المسلم فسوق وقتاله كفر

“Mencaci orang Islam itu termasuk fasik dan membunuhnya termasuk kafir.” (Riwayat al-Tirmizi: No. hadis 1906)

Rasulullah S.A.W. bersabda maksudnya:

لَعْنُ الْمُؤْمِنِ كَقَتْلِهِ

“Mengutuk seorang mukmin itu seperti membunuhnya.” (Riwayat al-Tirmizi: No. Hadis 7774)

Kesimpulan berdasarkan hadis-hadis ini menunjukkan bahawa amalan mencaci, mengutuk dan menghina sesama muslim merupakan satu perbuatan yang keji di sisi agama Islam, bahkan ia membawa ke arah pembentukan akhlak mazmumah sehingga akhirnya akan wujud perpecahan di dalam kesatuan umat Islam sekiranya perbuatan seperti ini tidak dielakkan sesama muslim.

## KESIMPULAN

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) secara berterusan memartabatkan budaya Melayu dan Islam dalam pembangunan dan perkembangannya sebagai sebuah organisasi sosial dan budaya negara. Pesanan pengasas PSSCM, Almarhum Ustaz Hj. Hanafi Hj. Ahmad, pengasas Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) “Sains & teknologi boleh dipelajari di mana-mana, tetapi budaya tetap hak kita”. Unsur pendidikan kerohanian Islam secara langsung dan tidak langsung dalam PSSCM membolehkan amalan-amalan ini diteruskan sepanjang hayat dalam kehidupan seseorang pesilat. Salah satu elemen Perguruannya iaitu pantang larang PSSCM berupaya membentuk akhlak yang sempurna dalam kalangan ahli PSSCM itu sendiri dan masyarakat. Mematuhi pantang larang silat bermaksud mendidik roh untuk mengenang jasa guru, ibu dan bapa serta sifat bermasyarakat dan saling menghormati. Dalam salah satu elemen persatuan iaitu bersalam dan memberikan ucapan salam pula merupakan suatu tanda atau simbol kemesraan dan penghormatan antara sesama manusia. Bersalam ini akan memberikan dampak yang positif dalam hubungan antara individu dan dapat tercipta perasaan kasih sayang, perkenalan, persahabatan dan kemesraan. Bahkan daripada syariat Islam, berdasarkan al-Quran dan hadis, jelaslah menunjukkan pantang larang yang dilaksanakan dalam PSSCM memainkan peranan penting untuk mengeratkan tali silaturahmi dan memperoleh keberkatan dalam proses menuntut ilmu. Keberkatan terhasil daripada proses

bersalam untuk memohon dan memberikan izin khususnya dalam penurunan buah pelajaran Seni Silat Cekak Malaysia perlu terus disuburkan agar rohani kita juga terus terdidik dengan sifat yang terpuji seperti ikhlas, jujur dan amanah.

## RUJUKAN

- Abdul Majid Ismail. 2002. Penerapan Jati Diri Melalui Ilmu Bela Diri: Pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia. Dalam Noor Aniza Ishak & Najib Ahmad Marzuki, *Prosiding Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial 2002: Belia dan NGO dalam kerja sosial: Isu, peranan dan strategi*, Sekolah Pembangunan Sosial. Universiti Utara Malaysia. hlm. 40-48.
- Abdul Majid Ismail & Kaharudin Abd Rahman. 2014. Pendidikan Akhlak Menerusi Pantang Larang dalam Seni Silat cekak Malaysia. Dibentangkan di Regional Conference on Local Knowledge 2014 (RCLK2014). Dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia. Sarawak. 12-13 Oktober 2014.
- Abdul Majid Ismail & Safiah Ahmad. 2011. Terpinggirnya Adab dan Adat dalam Kehidupan Bangsa di Malaysia: Pengalaman Pengamal Budaya Persilatan, Seni Silat Cekak Malaysia. *Prosiding Kongress Antarabangsa Bahasa dan Budaya: Jilid 1*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. hlm. 273-293.
- Abu al-Qasim Sulaiman. 1415 H. *Mu'jam al-Ausat*. Kaherah: Dar al-Haramain.
- al-Bukhari, Muhammad bin 'Isma'il Abi 'Abdillah. 1989. *al-al-'Adab al-Mufrad*. Beirut: Dar Bashir al-Islamiyyah.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq. 'Abdul Rahim bin al-Husain al-Iraqi. Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Anuar Abd. Wahab. 1996. *Silat Olahraga*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Bukhari, Muhammad bin 'Isma'il Abi 'Abdillah. 1987. *al-Jami'*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Covey S.R. 1996. *Seven Habits of Hightly Effective People*. New York: Simon & Schuster Inc.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram. 2010. *Lisan al-'Arab*. Juz. 11. Lebanon: Dar al-Sadir.
- Mohd Muhaizam Md Ishak. 2009. Amalan Kerohanian dan Kebatinan Dalam Seni Bela Diri Orang Melayu. Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Dalam Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (ASLI) Jabat Kilat Malaysia. Tesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad bin 'Isa Abi Musa al-Tirmizi. 1989. *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Muhammad 'Uthman El- Muhammady. 1982. *Peradaban Dalam Islam*. Kota Bharu. Pustaka Aman Press.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Shazarina Binti Zdainal Abidin. 2014. Kepentingan Kerohanian Dalam Meningkatkan Kepuasan Bekerja Pensyarah. *Jurnal Pendidikan*, 1(2) Disember: 110-116.
- Wehr H. 1986. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Wood A.S. 1989. Spirit and Spirituality in Luther. *The Evangelical Quarterly*, Jilid 61/4, Paternoster Publishing, United Kingdom.

- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018. *Kedaulatan Raja-Raja Melayu Jurispruden, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan*. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa. 1999. *Persoalan Penyelewengan Dalam Ajaran Tarikat Tasawuf*. Selangor: Penerbitan Majlis Ugama Islam Selangor.
- Wan Abdul Kadir Yusoff. 2006. *Ucaptama Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*. Identiti Budaya Melayu Dalam Pembangunan Industri Budaya, Kuala Lumpur, Universiti Malaya. hlm. 1-14.
- Mahayudin Yahya. 1998. *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.